



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
21 FEBRUARI 2018 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Desak lulus pembinaan SJKC Choon Hwa | 20 |
|--|----|

Harian Metro

- | | |
|-----------------------|-----|
| - TARIK JENTERA BOMBA | H37 |
|-----------------------|-----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 FEBRUARI 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Desak lulus pembinaan SJKC Choon Hwa
Muka Surat	20

20

RABU 21 FEBRUARI 2018 • SINAR HARIAN

AMPANG. HULU LANGAT

S4 21/2/18 MS 20

HUBUNG SQUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 8680275 (U)

Desak lulus pembinaan SJKC Choon Hwa

PANDAN INDAH - Lembaga Pembangunan SJKC Choon Hwa kini menyerahkan lebih 30,000 tandatangan petisyen mendesak kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memberi kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Choon Hwa Pandan, di Taman Lembah Maju, di sini.

Timbalan Pengurus Lembaga Pembangunan SJKC Choon Hwa, Datuk Leong Kok Wee berkata, pihaknya berharap pihak berkuasa tempatan itu dapat memberikan kelulusan segera bagi pembinaan sekolah tersebut.

"Kita telah membuat pindaan pada pelan pembangunan dan dokumen berkaitan, namun MPAJ masih menolak kerana mendakwa kami tidak mengikuti garis panduan dan tidak menyatakan kegunaan



Leong Kok Wee menandatangani petisyen mendesak MPAJ memberi kelulusan pembinaan sekolah.

tanah bagi enam ekar tanah bersebelahan sekolah," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau yang juga Ketua MCA

Pandan berkata, pihaknya juga akan menganjurkan Karnival SJKC Choon Hwa pada bulan depan bagi mengumpulkan sokongan orang

ramai untuk pembinaan sekolah itu.

"Penempatan semula sekolah yang kini terletak di Batu 18 Hulu Langat ke Pandan Indah tidak dapat dilakukan berikutkan pembangunan sekolah itu tidak diluluskan oleh MPAJ.

"Kita telah mengupayakan arsitek, juruukur tanah, pelukis pelan, sebelum mengemukakan semula pelan pembinaan sekolah tersebut serta dokumen mengikut garis panduan kepada MPAJ, tetapi mereka masih menolak permohonan kami," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon dalam kenyataannya sebelum ini memberitahu isu ini adalah mengenai pendidikan dan keperluan rakyat.

Sin Woon menggesa MPAJ untuk

bertindak secara profesional dan mempercepatkan proses kelulusan.

Terdahulu, Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussin memaklumkan pihaknya telah menerima permohonan pembinaan sekolah tersebut pada tahun lalu.

MPAJ tidak dapat memberi kelulusan kepada permohonan itu kerana pihak berkuasa tempatan itu mendapat cadangan permohonan dan dokumen masih tidak lengkap dan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan MPAJ.

Abd Hamid memberitahu pihak sekolah juga perlu menyatakan apakah cadangan pembangunan pada enam daripada tiga ekar tanah itu pada masa akan datang.

Selain itu, justifikasi kelulusan tiga ekar bagi pembinaan sekolah turut tidak mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

(BERITA SINDIKAT)



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 FEBRUARI 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	TARIK JENTERA BOMBA
Muka Surat	H37

HARIAN METRO
RABU 21 FEBRUARI 2018

TARIK JENTERA BOMBA

Pertandingan anjuran MPAJ disertai 150 peserta

PESERTA pertandingan bergambar kenangan.

Nor Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

GILIRAN diundi sebelum pertandingan bermula.

TIMBALAN Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Hasnul Nizam Shariff turut menyertai pertandingan.

PESERTA bertungkus-tungkus menarik jentera bomba seberat 11 tan.

Nor Asyikin Mat Hayin
Walaupun ia lebih ringan namun kami tetap menggunakan sepenuhnya tenaga supaya dapat menarik jentera itu pada jarak lebih jauh berbanding pasukan lain," katanya kepada Nuansa.

Katanya, pasukan lain turut memberikan saingan sengit dan menjadi pengalaman berharga kerana masing-masing baru mengalamiinya.

"Penyertaan dalam pertandingan ini juga hanya sekadar suka-suka dan tidak sangka menjadi juara serta memenangi hadiah wang tunai RM500.

"Insha-Allah, kami akan menyertai pertandingan seperti ini pada masa akan datang kerana semua ahli gemarkan cabaran," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain berkata, program itu diadakan dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Pandan Indah, Ampang bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Tanpa Kenderaan 2018 yang dijalankan setiap bulan.

"Kita sentiasa mempelbagaikan aktiviti pada sambutan itu bagi menarik minat masyarakat kehadirat untuk turut semangat dalam setiap program diadakan.

"Inisiatif ini tidak langsung mengorekkan hubungan antara MPAJ dengan masyarakat kerana mereka adalah ejen penting bagi kedua pihak terbabit," katanya.